

KENYATAAN MEDIA

SWM KASIH MISI SAMPUL MERAH CERIAKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA BERSAMA GOLONGAN AUTISME

MELAKA, 19 JANUARI 2023 – Sempena perayaan Tahun Baru Cina tidak lama lagi, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) berkongsi keceriaan bersama golongan autisme dalam program SWM Kasih Misi Sampul Merah yang berlangsung di Persatuan Kanner Melaka, hari ini.

Melalui program ini, SWM Environment telah menyumbangkan barangan makanan organik dan keperluan harian kepada Persatuan Kanner Melaka iaitu sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan untuk memberi sokongan serta melindungi golongan autisme. Setakat ini, Persatuan Kanner Melaka menyediakan kemudahan dan rancangan pemulihan kepada 15 orang penghidap autisme yang berusia 18 hingga 35 tahun.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam bin Mohd Nordin berkata, inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dijalankan oleh pihak syarikat ini adalah bagi menterjemahkan sokongan dan keprihatinan terhadap penghidap autisme sekali gus menghormati golongan istimewa ini.

“SWM Environment melalui entiti SWM Kasih sentiasa berusaha menghulurkan bantuan kepada pelbagai lapisan masyarakat yang memerlukan tanpa menyisihkan mana-mana golongan. Usaha yang dilaksanakan ini bukan saja dapat menghidupkan semangat bermasyarakat malah diharap memberi nilai tambah yang positif kepada komuniti khususnya kumpulan sasaran.

“Penghidap autisme misalnya, merupakan golongan istimewa yang memerlukan sokongan moral dan sikap kepedulian secara berterusan daripada masyarakat. Sehubungan itu, SWM Environment amat berbesar hati untuk berkongsi kegembiraan bersama mereka dan menjadikan sambutan Tahun Baru Cina mereka lebih bermakna,” katanya.

Dalam program ini, pasukan 3R Troopers SWM Environment turut melakukan demonstrasi gubahan bakul diperbuat daripada kertas surat terpakai sebagai sebahagian elemen pengajaran dan penerapan amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*), selain bertujuan menggalakkan golongan autisme mempelajari kemahiran baru yang akan memberi nilai tambah kepada mereka.

Persatuan Kanner Melaka turut didaftarkan di bawah program KITARecycle yang membolehkan orang ramai menyumbang barangan kitar semula dan mata ganjaran yang diperolehi akan dimasukkan terus ke akaun KITARecycle persatuan tersebut untuk tujuan amal.

-TAMAT-



MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Noor Che Wah Binti Ramli

Eksekutif Kanan

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Melaka)

Tel : 06 – 3350191 / 012 – 385 1436

E-mel : wah.ramli@swmsb.com